



AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	18/5/2017
JABATAN	:	UMUM
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

[FOTO MOHD SYAFIQ RIDZUAN AMBAK/BH]



Pokok Ceiba Speciosa yang ditanam sebagai mercu tanda Bandar Baharu Kuala Nerus mati selepas lima bulan dipercayai akibat faktor cuaca.

Pokok benang sutera tidak serasi cuaca Kuala Nerus

➔ **Tanaman bernilai RM180,000 dari Brazil mati selepas 5 bulan ditanam**

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@bh.com.my

► **Kuala Terengganu**

Sebatang pokok benang sutera yang ditanam di kawasan Bandar Baharu Kuala Nerus sebagai mercu tanda daerah itu, sekali lagi menjadi tumpuan apabila ia kini mati selepas kira-kira lima bulan ditanam.

Pokok berkenaan atau nama saintifiknya 'ceiba speciosa' bernilai RM180,000 yang dibawa khas dari Brazil

itu, sebelum ini menjadi viral selepas beberapa pihak termasuk pembangkang mendakwa kerajaan negeri melakukan pembaziran apabila membeli pokok berkenaan.

Bagaimanapun, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman menafikan kerajaan negeri membeli pokok itu, sebaliknya ia disumbangkan pemaju Bandar Baharu Kuala Nerus sebagai landskap daerah baharu itu.

Tak cadang ganti pokok

Malah, tindakan pembangkang mensensasikan isu penanaman pokok itu juga menyebabkan Ahmad Razif mengeluarkan kenyataan akan mengemukakan saman kepada pihak yang memfitnah kerajaan negeri membazir wang membeli pokok berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Tenaga dan Teknologi Hijau negeri, Ir Rosli Oth-

man, berkata kerajaan negeri tidak bercadang menggantikan pokok berkenaan berikutan ia sumbangan pemaju Bandar Baharu Kuala Nerus.

Beliau berkata, pokok yang dibawa masuk dari Brazil itu mungkin mati kerana faktor cuaca di negara ini, selain tanah dan baja yang tidak sesuai hingga menjejaskan kesuburan pokok.

"Memang sayang apabila pokok unik itu mati, namun ia tidak dapat dielakkan atas faktor dinyatakan itu. Walaupun cuaca di Brazil dan Malaysia panas, perbezaan tetap ada sehingga menyebabkan pokok itu tidak sesuai hidup di sini," katanya kepada BH, semalam.

Rosli berkata, orang ramai terutama pembangkang tidak perlu mensensasikan perkara itu kerana pihak pemaju juga tidak menjangka pokok berkenaan yang banyak hidup di Amerika Selatan tidak mampu bertahan lama di sini.